

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

8. Taman Rimba Bukit Mertajam di Cherok Tokun telah ditutup dua kali sejak November 2017 disebabkan hujan lebat dan ini menjelaskan aktiviti rekreasi penduduk di sekitarnya.
  - (a) Apakah tindakan untuk memperbaiki kerosakan kawasan rekreasi tersebut?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Taman Rimba Bukit Mertajam (TRBM), Cherok Tok Kun telah ditutup sebanyak dua (2) kali kepada orang awam kerana berlakunya tanah runtuh dan terdapat pokok-pokok yang telah tumbang dan berbahaya disebabkan hujan lebat. Penutupan kali pertama adalah pada pada 6 November 2017 dan dibuka semula pada 12 Januari 2018. Manakala penutupan kali kedua adalah pada 30 Mei 2018 dan dibuka semula pada 12 Julai 2018.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pembinaan Cerun Dari Kaki Bukit Ke Puncak Bukit Mertajam telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB. Tuan Phee Boon Poh, Penggerusi Jawatankuasa MMK Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang bagi membincangkan tindakan pencegahan serta kerja-kerja pembinaan yang perlu dilaksanakan untuk membolehkan TRBM beroperasi semula.

(a) Jawatankuasa tersebut mengesyorkan supaya kerja-kerja pembaikan dilaksanakan secara dua (2) peringkat seperti berikut:-

(i) Peringkat pembaikan jangka pendek melibatkan:-

- Pembersihan sisa tanah runtuh dan pokok tumbang;
- Menebang pokok-pokok bahaya di kawasan cerun bukit;
- Pengalihan bongkah-bongkah batuan berisiko yang berada di kedudukan cerun;
- Pembaikan kecil kerosakan cerun dan saliran; dan
- Kajian cadangan pembaikan cerun oleh pihak juru perunding.

(ii) Peringkat pembaikan jangka panjang melibatkan kerja-kerja penstabilan cerun, pembaikan saliran dan jalan yang mengalami kerosakan meliputi kawasan sepanjang 5 km merangkumi 66 kawasan runtahan.

Kerja-kerja peringkat pembaikan jangka pendek yang telah dilaksanakan di TRBM bagi tahun 2017 untuk membaiki kemusnahan akibat hujan lebat adalah dengan melaksanakan kerja-kerja kecemasan menebang, memotong pokok bahaya dan kerja-kerja pembersihan di cerun jalan tar dari kaki bukit ke puncak Bukit Mertajam (Fasa I, Fasa II dan Fasa III). Pada tahun 2018 sebanyak dua (2) kerja pembaikan jangka pendek telah dilaksanakan di TRBM bagi membaiki kemusnahan akibat hujan lebat melalui kerja-kerja menebang, memotong pokok bahaya dan kerja-kerja pembersihan di sekitar TRBM serta sepanjang 3.6 km dari kaki bukit ke puncak Bukit Mertajam.

Bagi kerja-kerja peringkat pembaikan jangka panjang, Kerajaan Negeri telah mendapatkan nasihat geoteknikal dari Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung cadangan pembaikan dan penstabilan cerun di TRBM. Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) melalui Kerajaan Negeri bercadang untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan

memandangkan jalan sepanjang 3.6 km ini adalah tanah milik di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi.